

JANGAN BIMBANG — DR. M

OCT 1976

TAIHING, 17 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya yakin kepada para pemimpin dan jangan bimbang segala apa yang dilakukan mereka dalam tindakan-tindakan yang dijalankan.

"Janganlah kita memeriksa secara detail apa yang dilakukan oleh para pemimpin kerana perbuatan demikian rupa akan menghancurkan perpaduan UMNO," kata Naib Presiden UMNO itu.

Dr. Mahathir telah berucap dalam satu perjumpaan dengan para pemimpin UMNO Bahagian Taiping dan Matang di Dewau Masjid Meyalu di sini petang semalam. Menteri Besar Perak, Tan Sri Haji Ghazali Jawi hadir sama.

Beliau menekankan bahawa dalam usaha mengekalkan perpaduan parti ahli-ahli UMNO mestilah memberi sokongan secara umum kepada para pemimpin "Kerana sokongan secara detail tidak akan mempunyai persamaaan pendapat pada keseluruhannya."

"Jika kita mencari satu perkara detail yang dibuat oleh para pemimpin, sudah pasti tidak mendapat persetujuan," tambahnya.

Oleh Dr. Mahathir ditegaskan bahawa perpecahan dalam UMNO tidak akan berlaku sekiranya seluruh anggota mempunyai sikap dan pendirian kepada matlamat asal perjuangan parti.

"Perpaduan dalam UMNO adalah satu perkara yang penting dan dalam hal ini adalah perlu anggota-anggota parti meneruskan matlamat asal perjuangan kita," katanya.

Dr. Mahathir menyebut UMNO menggariskan di dalam perlembagaannya mengenai sistem demokrasi cara pemilihan pemimpin dan pelaksanaan-pelaksanaan kegiatannya.

Ahli-ahli UMNO, katanya, boleh menyuarakan segala masalah menerusi saluran-salurnya di dalam pertubuhan itu sendiri.

Masalah

Segala masalah yang kurang puas hati boleh disalurkan melalui UMNO cawangan, bahagian, majlis kerja tertinggi sehinggalah kepada Presiden UMNO sendiri.

Katanya, amalan demokrasi di dalam parti semampai itu sudah dijamin dan ini merupakan satu amalan yang sangat baik di dalam negara demokrasi.


Dr. Mahathir berkata: "Kita selalu bercakap tentang perpaduan, tetapi kadang kala kita terlupa tentang diri kita, sebaliknya tertarik hati dengan hujah-hujah perpecahan."

Suatu masalah lagi, beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan selalu terpengaruh tentang kempen-kempen bisik, memburukkan orang lain dan melaga-lagakan orang.

"Kita haruskah hati-hati terhadap kempen seperti itu."

Sementara itu Datuk Senu berkata, UMNO tetap utuh dan mendapat sokongan kuat orang Melayu kerana ia sudah masak dan matang dalam menempuh berbagai cubaan dan ancaman.

"Ini kerana orang Melayu tahu perjuangan UMNO tetap tidak berganjak dari dasarnya iaitu untuk



Dr. Mahathir

membela nasib mereka di bumi mereka sendiri," katanya.

Berucap di majlis perjumpaan Hari Raya anjuran UMNO Bahagian Shah Alam malam tadi, Datuk Senu mengingatkan bahawa pergolakan yang berlaku dalam UMNO sekarang tidak dapat diasingkan dari anasir-anasir komunis dan anti-nasional yang cuba memecahbelahkan bangsa Melayu.

Komunis tahu selagi UMNO kukuh dan padu, selama itulah orang Melayu tidak akan dapat dipecahkan.

"Ini adalah salah satu strategi komunis untuk berkuasa di negara ini," tambah Datuk Senu.

Beliau lalu mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya bersama-sama bertanggungjawab untuk menghapuskan penyusupan-penyusupan komunis ke dalam parti jika ada.

"Kita janganlah berpeluk tubuh dan menyerahkan bulat-bulat kepada pucuk pimpinan untuk mengawasi anasir-anasir ini dari menyusup ke dalam parti kita."

"Kalau ini berlaku, kita janganlah menyalahkan sesiapa," katanya.

Menyentuh tentang komunis, Datuk Senu berkata, masalah ini sudah menjadi satu perkara besar yang tidak dapat diperkecil-kecilkan lagi.

"Mereka sekarang benar-benar mengancam keselamatan negara dan sedang berada bukan saja di hutan-hutan malah telah berada dan menyusup masuk di tengah-tengah kita," tambah Datuk Senu.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama menghapuskannya supaya mereka tidak dapat meresap dan menguasai parti kita," pesan beliau.